


LAMPIRAN 1 – INDIKATOR-INDIKATOR EKONOMI LAIN YANG MEMBUKTIKAN KEADAAN EKONOMI MALAYSIA MASIH DI LANDASAN KUKUH

- i. **Nilai transaksi perbankan** melalui kad debit (tunai) meningkat sebanyak 60%, manakala transaksi perbankan internet meningkat 14.1% bagi tujuh bulan pertama tahun ini.
- ii. Dari segi **pinjaman**, secara keseluruhan, **pertumbuhan bayaran balik pinjaman terus mengatasi pertumbuhan pengeluaran pinjaman, mencerminkan bantuan bayaran balik pinjaman yang terus berkurang.** Sebagai contoh, pengeluaran pinjaman kepada perniagaan meningkat 19.8% pada Julai 2022, di mana pinjaman kepada sektor pembuatan meningkat sebanyak 19.7% manakala sektor pembinaan meningkat sebanyak 31.2%.
- iii. **Pembiayaan bersih** meningkat sebanyak 5.3% pada Julai 2022, didorong oleh pertumbuhan pinjaman perumahan dan kenderaan pada kadar 6.1%. Bagi sektor perniagaan, pinjaman terkumpul meningkat sebanyak 5.8%, didorong oleh pemberian pinjaman kepada sektor PKS bagi tujuan modal kerja.
- iv. **Kes kebangkrapan individu terus menunjukkan tren penurunan.** Pada tahun 2019, sejumlah 12,051 kes dicatatkan, dan jumlah ini terus menurun pada tahun 2020 kepada 8,351 kes, 6,554 kes pada 2021, dan 3,604 kes setakat Julai tahun ini. Tindakan mufis terhadap peminjam kekal sebagai pilihan terakhir selepas semua usaha pemulihan telah diambil.
- v. **Kes penggulangan syarikat juga menunjukkan tren penurunan.** Pada tahun 2019, sejumlah 1,968 kes direkodkan, dan terus menurun kepada 1,191 kes pada 2020, 1,113 kes pada 2021, dan 830 kes sehingga Julai tahun ini.

LAMPIRAN 2 – PERGERAKAN RINGGIT SEIRING DENGAN MATAWANG YUAN, RAKAN DAGANG UTAMA MALAYSIA, DARI TAHUN 2006 - 2021



Sumber: IMF